

Headline	Anjung Tamu jadi ikon terbaharu UUM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jul 2014	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	V3	ArticleSize	263 cm ²
AdValue	RM 9,066	PR Value	RM 27,198



Anjung Tamu jadi ikon terbaharu UUM



Sintok: 'Welcome Centre' atau Anjung Tamu yang terletak di pintu masuk utama Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini, kini menjadi ikon terbaharu universiti kepada tetamu serta pelawat bagi mendapatkan maklumat umum mengenai UUM.

Welcome Centre yang dilancarkan pada 15 Jun lalu itu meneguhkan imej UUM sebagai sebuah Universiti Pengurusan Terkemuka, sekali gus membantu meningkatkan keberkesanan promosi dan hubungan pelanggan.

Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata ia turut menjadi platform utama promosi domestik dan antarabangsa, selain hospitaliti yang efektif dan berkesan.

Beliau berkata, bangunan dua tingkat itu menjadi penanda aras UUM sebagai universiti pertama mewujudkan anjung tamu bagi menggamit ramai pelawat ke kampus berkenaan dan secara tidak langsung membantu pembangunan negeri Kedah dalam usaha mempromosikan sektor pelancongan di negeri ini.

Raikan tetamu

"Sebuah universiti perlu mempunyai ciri-ciri untuk mengalu-alukan dan meraikan kedatangan tetamu dan bukannya semata-mata dikelilingi pagar seperti berada dalam zon kese-

lamatan.

"Kebanyakan universiti di Eropah contohnya bersifat terbuka dan bergabung dengan bandar di mana orang ramai dapat melawat tanpa sebarang sekatan, namun aspek keselamatan masih ditekankan," katanya selepas majlis perasmian Welcome Centre, di sini.

Sementara itu, Arkitek Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan UUM, Ismadi Yaacob, berkata Anjung Tamu dibina bercirikan seni bina Melayu dan berkonsepkan tradisional serta terdapat ciri-ciri seni binaan Islam yang menerapkan elemen air di luar dan dalam bangunan, selain mengaplikasikan sumber semulajadi bagi menonjolkan keunikan bangunan itu.

Katanya, di Anjung Tamu, tetamu dan pelawat dapat menikmati kemudahan seperti ruang rehat tetamu (lounge), ruang pameran, kiosk cenderamata, surau untuk lelaki dan perempuan, selain tandas awam termasuk kemudahan untuk orang kelainan upaya (OKU), selain pejabat pegawai dan bilik mesyuarat.

"Mengaplikasikan konsep mesra pelanggan dan senyum selalu, Welcome Centre UUM bakal menjadi gerbang informasi penting dan berguna kepada tetamu dan pelawat yang datang ke universiti itu," katanya.